

Selamat kerana rumah terapung

KEPUTUSAN Basri Dahari, 70, membina rumah terapung di sebuah tasik bekas lombong di Kampung Bumiputera, Keramat akhirnya menyelamatkan beliau daripada banjir besar di ibu negara pada 1971.

Ketika penduduk lain sibuk menyelamatkan rumah masing-masing dan berpindah ke pusat pemindahan, dia dan keluarganya kekal di atas rumah terapung tersebut.

"Kampung saya dahulu terletak di jajaran landasan sistem transit aliran ringan (LRT) hari ini.

"Biarpun paras air lombong tersebut turut meningkat lebih satu meter selepas hujan turun tanpa henti selama seminggu, saya satu-satunya keluarga yang tidak perlu berpindah," katanya kepada S2.

Menurut beliau, kesempitan hidup menyebabkan dia terpaksa membina rumah terapung daripada tong dan kayu.

"Satu lagi sebab saya bina rumah terapung kerana kawasan sekitar Datuk Keramat kerap dilanda banjir," ujarnya.

Menurutnya, walaupun rumah

Biarpun paras air lombong tersebut turut meningkat lebih satu meter selepas hujan turun tanpa henti selama seminggu, saya satu-satunya keluarga yang tidak perlu berpindah.



BASRI DAHARI

selamat tetapi sebagai langkah berjaga-jaga, dia menghantar isterinya ke rumah saudara terdekat yang terselamat daripada bencana tersebut.

"Saya tidak mempunyai kedai, jadi saya akan berbasikal mengelilingi kampung untuk menjual ikan tetapi kerana banjir terpaksa saya tinggal di rumah tidak berbuat apa-apa.

"Namun, saya bersyukur kerana mendapat pelbagai sumbangan daripada pelbagai pihak selepas kejadian tersebut," katanya.

Beliau menambah, kebanyakan aktiviti perniagaan dan segala urusan pejabat kerajaan di Kuala



KANAK-KANAK di Kampung Maxwell bermain air ketika banjir besar 1971.

Lumpur lumpuh.

Katanya, hujan berterusan menyebabkan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka ditenggelami air hampir

enam kaki.

"Dari segi kerugian tidak banyak kerana kebanyakan penduduk pada masa itu miskin, rumah setinggan, perabot pun

tidak mewah dan hanya menggunakan basikal, tetapi paling dikagumi ialah semangat wakil rakyat dalam membantu mangsa banjir," ujarnya.